

12/07/1998

Pedagang cipta kaedah jatuhkan mata wang

MELAKA: Pedagang mata wang asing mencipta kaedah tertentu untuk menjatuhkan nilai mata wang beberapa negara di rantau ini, termasuk Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Dr Mahathir, walaupun pedagang mata wang itu tidak mempunyai sumber kewangan yang banyak, mereka sudah bersedia dengan kaedah itu untuk menaikkan atau menurunkan mata wang sesebuah negara.

Katanya, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa tindakan zalim pedagang berkenaan kerana mereka berasa iri hati terhadap kemajuan ekonomi negara yang dicapai sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kita melihat beberapa negara yang sudah diserang oleh pedagang mata wang ini, seperti Indonesia dan Korea Selatan, ditekan sehingga akhirnya terpaksa mengikut telunjuk mereka," katanya pada majlis ramah mesra bersama pemimpin masyarakat dan parti komponen Barisan Nasional (BN), di Dewan Hang Jebat, Ayer Keroh, semalam.

(END)